



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA

SIARAN MEDIA
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA

SEMPENA ULANG TAHUN KESEBELAS TRAGEDI MH370

Hari ini menandakan genap 11 tahun sejak kehilangan pesawat Malaysia Airlines MH370. Kerajaan Malaysia menegaskan komitmen untuk meneruskan operasi pencarian pesawat MH370. Meskipun masa terus berlalu, ia tidak mengurangkan rasa duka dan ketidakpastian kepada waris penumpang dan kru pesawat MH370.

Selaras dengan keputusan Jemaah Menteri pada 13 Disember 2024, Kerajaan telah bersetuju untuk menerima cadangan daripada Ocean Infinity (United Kingdom) bagi memulakan semula operasi pencarian di kawasan baharu seluas kira-kira 15,000 kilometer persegi di Selatan Lautan Hindi. Operasi ini akan dilaksanakan berdasarkan prinsip “no find, no fee,” yang bermaksud tiada sebarang pembayaran akan dibuat melainkan bangkai pesawat ditemui.

Adalah menjadi tanggungjawab kita untuk meneruskan usaha pencarian bersandarkan petunjuk yang berwibawa demi menjelaki lokasi terakhir MH370, sekali gus memberikan jawapan yang amat diperlukan oleh waris keluarga mangsa.

Kementerian Pengangkutan (MOT) sedar akan perhatian awam yang tinggi terhadap usaha pencarian ini, dan sedang giat memuktamadkan perjanjian pencarian baharu, selaras dengan prosedur Kerajaan Malaysia.

MOT juga ingin memaklumkan bahawa United States National Transportation Safety Board (NTSB) dan Australian Transport Safety Bureau (ATSB) telah melantik wakil bertauliah bagi memberikan sokongan teknikal kepada misi ini. Kerajaan menghargai kerjasama erat dan bantuan daripada semua pihak yang terlibat dalam salah satu usaha pencarian paling kompleks dan mencabar dalam sejarah penerbangan.

Pada hari penuh peringatan ini, Kerajaan menzahirkan simpati yang tidak terhingga kepada waris keluarga penumpang dan kru MH370. Usaha untuk mendapatkan jawapan masih diteruskan.

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA

8 Mac 2025

-TAMAT-



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA

Press Statement by MOT In Conjunction with the 11th Anniversary of the MH370 Tragedy

Today marks the 11th anniversary of the tragic disappearance of Malaysia Airlines Flight MH370. On this solemn occasion, the Government of Malaysia reaffirms its commitment to resume the search for MH370. For the families of the passengers and crew, time has not diminished the profound grief and uncertainty they continue to endure.

Following a Cabinet decision on 13 December 2024, the Government of Malaysia has accepted a proposal from Ocean Infinity (United Kingdom) to recommence search operations in a new area of approximately 15,000 square kilometers in the southern Indian Ocean, under the “no find, no fee” principle.

It remains our solemn duty to pursue every credible lead in the hope of uncovering the final resting place of MH370, and, in doing so, providing the families with the answers they so rightly deserve.

Recognising the considerable public interest in this renewed search, we are working diligently towards finalising the new search agreement in accordance to the Government of Malaysia’s procedures.

As part of the progress for the renewed search, the Ministry of Transport Malaysia (MOT) would like to report that the United States National Transportation Safety Board (NTSB) and the Australian Transport Safety Bureau (ATSB) have each appointed an accredited representative to provide technical assistance for this mission. The cooperation of all parties is invaluable in this ongoing effort, which remains one of the most complex and challenging search operations in aviation history.

On this day of remembrance, we extend our deepest sympathies to the families of the passengers and crew of MH370. The effort to seek answers and provide closure for them will continue.

MINISTRY OF TRANSPORT MALAYSIA

8 Mac 2025

-END-



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA

Mengenai MOT:

Kementerian Pengangkutan Malaysia bertekad untuk memimpin dalam sistem pengangkutan bersepadu, cekap dan selamat dengan memperkasakan sistem pengangkutan berdasarkan teknologi sebagai pemangkin pembangunan negara.

Pertanyaan Media

Kementerian Pengangkutan Malaysia
Unit Komunikasi Korporat

Tel 1800-88-7723
Faks +603 8892 0208
E-mail aduan@mot.gov.my